

NEWSPAPER CLIPPING
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION

BERITA HARIAN

Rakyat Malaysia istimewa

Perbezaan agama tidak halang penduduk bekerjasama: Abdullah

Oleh Ziauddin Sharuddin

KUALA LUMPUR: Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata penduduk negara ini istimewa kerana bebas mengamalkan kepercayaan masing-masing dalam suasana aman damai.

Beliau berkata, perbezaan agama bukan penghalang untuk setiap penganut hidup bekerjasama dan ini terbukti berjaya di negara ini.

Katanya, setiap agama di dunia ini mengajak penganut mencintai keamanan dan tidak mahu penganutnya

menimbulkan masalah kepada penganut lain.

"Sama ada beragama Buddha, Islam, atau Kristian, mereka perlu hidup bersama secara aman dan damai dalam negara tercinta ini," katanya ketika melawat Kuil Maha Vihara di Brickfields di sini, petang semalam.

Ketika pertemuan dengan pemimpin agama Buddha di situ, Perdana Menteri juga mengucapkan Selamat Hari Wesak yang akan disambut esok kepada penganut agama Buddha.

Turut hadir ialah Menteri Peru-

mahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Seri Ong Ka Chuan dan Pemangku Presiden Gerakan, Tan Sri Dr Koh TsuKoon.

Sementara itu, Ketua Sami Buddha Malaysia, K Sri Dhammaratana Nayaka Thera, berkata kunjungan Abdullah adalah kali kedua oleh Perdana Menteri Malaysia selepas kali pertama pada 1967 oleh Perdana Menteri pertama, Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj.

Beliau juga berterima kasih kepada kerajaan kerana Hari Wesak adalah hari kelepasan am di negara ini.

"Sama ada beragama Buddha, Islam, atau Kristian, mereka perlu hidup bersama secara aman dan damai dalam negara tercinta ini"

Abdullah Ahmad Badawi
Perdana Menteri